



Ruj. Kami : ANM (A) NS.003 Jld.23 (7)

Tarikh : | November 2019

**PENGARAH
SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
SEMUA PUSAT PEMBAYAR
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' / Tuan,

**PENYEDIAAN SIJIL PENGESAHAN BAKI DAN PENYATA PENYESUAIAN
VOT, AKAUN TERIMAAN DAN AKAUN DEPOSIT BAGI BULAN OKTOBER
2019**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara (JANM) telah mengeluarkan

- a) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018 – Tatacara Pengurusan Vot
- b) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Terimaan
- c) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Deposit

3. PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki dan mengemukakan kepada AO **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.**

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dikehendaki untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot, Akaun Terimaan dan Akaun Deposit dan Penyata Penyesuaian (jika berkaitan) secara *hardcopy* ke Unit Akaun, JANM Negeri Sembilan **sebelum atau pada 14 NOVEMBER 2019.** Format penyediaan Sijil Pengesahan Baki boleh dimuat turun di portal JANM (www.anm.gov.my) di ruangan pekeling.

5. Sekiranya tiada transaksi pada bulan **OKTOBER 2019**, pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk memaklumkan Jabatan ini secara bertulis. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai berikut:

- a) Sijil Pengesahan Baki Vot (SPANM 7/2018)
En. Mohd Helmi Bin Mohd Radzali 06-768 6839
- b) Sijil Pengesahan Baki Akaun Terimaan (SPANM 3/2019)
Pn. Farah Nadirah Binti Zulkifli 06-768 6839
- c) Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit (SPANM 4/2019)
Pn. Nurulhuda Binti Husin 06-768 6890

6. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))

Unit Akaun

b.p. : Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan